

13/01/2000

Ahli Umno perlu hayati perjuangan

ul Razak Raaff; Jamaluddin Husin

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua pemimpin dan ahli Umno diminta menghayati sepenuhnya saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengajak ahli kembali ke perjuangan asal parti.

Pemimpin dan veteran Umno, termasuk yang pernah menentang penubuhan Malayan Union, juga berpendapat sudah tiba masanya ahli Umno mengutamakan perjuangan bangsa, agama dan negara daripada kepentingan individu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata ahli Umno perlu menghayati slogan parti - Bersatu, Bersetia, Berkhidmat dan fasal tiga perlembagaan yang menjelaskan asas perjuangan Umno.

Beliau berkata, fasal tiga perlembagaan menghuraikan asas dan tujuan penubuhan Umno serta apa yang harus dilakukan setiap ahli untuk mengekalkan maruah bangsa, agama dan negara.

"Fasal 3.4 pula menyatakan Umno mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen serta memajukan ekonomi orang Melayu dan Bumiputera khususnya serta rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas saranan Perdana Menteri supaya semua anggota Umno kembali ke perjuangan asal untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan parti.

Presiden Umno itu juga mahu semua ahli meletakkan kepentingan parti dan perjuangan untuk bersatu padu sebagai agenda utama serta menjauhi sikap taksib kepada individu atau pemimpin tertentu.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Umno Cawangan Kampung Pasir, Abdul Samad Mohd Ali, 70, berkata ahli Umno dulu mempunyai semangat perjuangan kental dan tabah menghadapi pelbagai cabaran, termasuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah.

Ketua Umno Cawangan Senai Selatan, Ali Abdullah, 58, pula berpendapat ahli Umno perlu menyedari pentingnya semangat perpaduan kerana ia adalah tunjang kekuatan parti yang ditubuhkan untuk membela nasib bangsa Melayu.

Ketua Umno Cawangan Taman Penggawa Barat Omar Sharif, 49, berkata orang Melayu dulu menyertai Umno kerana mahu berjuang membela nasib bangsa tetapi sekarang mereka memasuki parti kerana kebendaan.

Sementara itu, di Muar, seorang pengasas Umno Tangkak yang kini dikenali sebagai Umno Ledang, Abdul Aziz Amin, 74, berkata ahli Umno dulu sanggup mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit demi kepentingan parti.

Bekas Ketua Umno Cawangan Solok, Tangkak, Hamah Rahmat, 72, berkata ahli dan pemimpin Umno sekarang perlu menghayati sepenuhnya saranan Dr Mahathir supaya tidak terpesong jauh daripada perjuangan asal parti.

Bekas Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Ledang, Abdul Rahman Abdul Rahim, 74, berkata perjuangan ahli Umno dulu lebih mengutamakan perpaduan daripada merebut jawatan dalam parti.

Di IPOH, Ketua Umno Bahagian Chenderoh, Talha Ismail, 64, yang berjuang dalam parti sejak lebih 40 tahun lalu berkata, setiap ahli perlu melihat kembali matlamat asal Umno ditubuhkan.

"Itulah semangat yang perlu dicontohi dan melihat keadaan sekarang, ahli sepatutnya kembali kepada matlamat perjuangan asal serta meletakkan kepentingan parti sebagai agenda utama," katanya.

Datuk Umar Ismail, 66, yang menjadi ahli Umno sejak 1951, berkata ahli perlu mempunyai niat bersih, bukannya menyertai Umno atas tujuan tertentu.

Di SEREMBAN, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Klawang, Datuk Shamsul Bahari Mat, 52 berkata apa yang disuarakan Dr Mahathir memang kena pada

masanya kerana asas perjuangan sekarang seolah-olah mengutamakan individu, di samping penonjolan diri.

"Malah, ada ahli mementingkan sesuatu kelompok atau kroni dan apabila ini berlaku penyokong dan pengikut tentulah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan semangat serta kehendak parti," katanya.

Pendapat itu turut disokong pemimpin veteran dari bahagian Tampin, Jaafar Mulup, 65, yang menyarankan pemimpin dan ahli mengambil langkah bersama dan mencari jalan memperkukuhkan parti.

Bekas Ketua Wanita Umno cawangan Tampin Bandar, Mariam Kassim, 60, pula berkata semua pemimpin dan ahli tidak boleh mengelak daripada tanggungjawab menyemaikan semula semangat perjuangan yang suci dan murni untuk memperkukuhkan Umno.

DI KOTA BHARU, ahli Umno cawangan Hutan Banggol Hulu, Pengkalan Chepa, Tengku Abdul Kadir Tengku Chik, 72, berkata saranan Presiden Umno itu patut dijadikan iktibar dan panduan kepada pemimpin dan ahli Umno.

Hassan Ismail, 60, ahli Umno cawangan Kampung Dangar, Pasir Mas, berkata golongan muda sepatutnya sudah lama dididik supaya tahu sejarah perjuangan Umno bagi mengelakkan mereka hilang pedoman dan menyedari perjuangan sebenar parti.

Ahli Umno cawangan Kota Kubang Labu, Pasir Pekan, Yahya Mamat, 42, pula berpendapat semangat perjuangan asal Umno semakin dilupakan generasi muda.

(END)